

SEMINAR PENDIDIKAN PIBG

PERANAN PIBG - SUATU TINJAUAN

Oleh

Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid

Fakulti Undang-Undang

Universiti Malaya

Anjuran

Biro Pendidikan PIBG Sekolah

Rendah Kebangsaan Sri Serdang

Universiti Pertanian Malaysia  
Serdang

5hb Januari, 1991

## I

## MUQADDIMAH: MENOLEH KEBELAKANG SEJENAK

Yang baik dijadikan teladan;  
Yang buruk dijadikan sempadan

- Pepatah Melayu

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan 33 tahun yang silam banyak perkara yang sepatutnya berlaku telah tidak berlaku, dan banyak perkara yang tidak sepatutnya berlaku telah berlaku. Pembangunan insan dari segi aqliah, rohaniah, tidak seiring sejalan dengan pembangunan fizikal. Pembangunan masyarakat berbudi yang mempunyai hati nurani dalam alam keliling yang sihat serta jiran tetangga yang penyanyang telah diabaikan. Hasilnya masyarakat pincang, masyarakat kebendaan, masyarakat tamak dan haloba, masyarakat yang menuju ke arah jalan Midas. Sebaliknya, negara telah melahirkan ratusan ribu ahli masyarakat penagih dadah, penjenayah, kutu embun, dan tidak kurang juga ratusan ribu manusia yang tidak bermoral, tidak berbudi, manusia yang diselubungi oleh maksiat dan jenayah, dari VIP hinggalah kepada kutu embun. Tidak hairanlah jika sekarang telah wujud satu golongan penjenayah yang digelar "penjenayah kelas atasan".

Dimana silapnya?

Mungkin satu kesilapan yang besar ialah apabila kita mengejar pembangunan fizikal secara mendadak, secara tidak langsung kita telah terlupa kepada pembangunan dari aspek lain.

Dalam kita gairah berlumba-lumba dengan bangsa lain dalam negara sendiri dan dengan bangsa lain dalam negara lain untuk mengejar pembangunan fizikal, kita telah mengabaikan pembangunan rohaniah, alam keliling, hati nurani, dan pembangunan aqliah (mental and intellectual development) tidak juga sampai ke tahap yang kita harapkan.

Dimana silapnya?

Mungkin kesilapan itu terletak di atas tiga pihak: pemerintah, guru dan ibubapa. Pendeknya, kesilapan itu terletak di atas masyarakat Malaysia seluruhnya. Yang sedihnya, tiap-tiap satu kumpulan itu meletakkan kesilapan itu pada yang lain. Guru menyalahkan ibubapa kerana salah asuhan, ibubapa menyalahkan guru kerana kurang ajaran, guru dan ibubapa menyalahkan pemerintah kerana dasar dan undang-undang yang tidak menentu dan pemerintah menyalahkan guru dan ibubapa kerana tidak bertanggungjawab dan tidak bekerjasama.

Adalah lebih baik daripada kita menyalahkan mana-mana pihak, kita gabung dan satukan tenaga antara pemerintah, guru dan ibubapa untuk mencari penyelesaian kepada banyak masalah yang dihadapi oleh masyarakat supaya pembangunan negara dapat diseimbangkan. Dengan lain-lain perkataan, konsep "Malaysia Incorporated" boleh dipakai dalam bidang pendidikan.

II

**PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB  
DALAM PEMBANGUNAN KANAK-KANAK**

Lentur rebung sebelum menjadi buluh.

- Pepatah Melayu

Dalam proses pembentukan seorang kanak-kanak dari seorang bayi kepada seorang manusia yang dewasa, kita dapati ada sekurang-kurangnya lima pihak yang terlibat secara langsung:

**1. Ibubapa**

Adalah menjadi tanggungjawab ibubapa sepenuhnya untuk membela, mendidik, mengasuh, mengajar anak-anak dari mula anak itu dilahirkan hinggalah ia sampai ke umur masuk sekolah (1-6 tahun). Peranan itu juga boleh dimainkan oleh ahli keluarga lain, seperti datuk nenek, adik beradik, sanak saudara, yang turut sama membantu membela, mengasuh dan mendidik seorang kanak-kanak. Dalam masyarakat moden bandar, orang gaji dan pengasuh juga memainkan peranan yang penting dalam mendidik kanak-kanak.

**2. Pemerintah**

Adalah menjadi tanggungjawab pemerintah atau kerajaan untuk menyediakan dasar dan prasarana yang mencukupi bagi pembentukan sebuah masyarakat yang berpendidikan, berakhlak dan berbudi, disamping menyediakan kemudahan tambahan dan sampingan

untuk membawa satu-satu masyarakat itu kepada satu tahap yang lebih cemerlang.

Tidaklah mencukupi bagi kerajaan untuk menyediakan sekolah dan guru sahaja. Untuk membentuk sebuah masyarakat muda-mudi yang baik, ianya memerlukan suatu rangkaian dasar dan kemudahan yang lengkap dan sempurna, yang boleh menjadi suatu sistem yang kukuh. Ini termasuklah dasar pendidikan, dasar kesihatan, dasar pengangkutan, dasar belia, dasar tenaga manusia dan dasar kebudayaan dan sebagainya, dan tiap-tiap dasar itu hendaklah diterjemahkan kepada pelaksanaan dan penyediaan kemudahan dan prasarana.

### 3. Guru

Guru memainkan peranan yang penting dalam mendidik dan mengajar anak-anak. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab guru untuk sama-sama membentuk seorang kanak-kanak supaya ia dapat menjadi insan yang sempurna, insan kamil.

Memandangkan bahawa seorang kanak-kanak itu mempunyai latarbelakang dan cara hidup yang berlainan antara satu sama lain, dan tiap-tiap seorang kanak-kanak itu mempunyai kelebihan dan kekurangan, maka adalah menjadi tugas guru sebagai pendidik untuk menampung kekurangan yang ada pada seorang murid. Mungkin ada murid yang cerdik tetapi berakhlak rendah dan tidak berbudi, maka tugas guru dalam hal ini ialah memasukkan unsur-unsur budi dan akhlak dalam jiwa kanak-kanak itu.

#### 4. Persatuan ibubapa dan guru

Dalam sebuah negara yang mempunyai latar belakang sosio ekonomi yang berbeza antara satu kaum dengan kaum yang lain, antara bandar dengan desa, antara kaya dengan miskin, antara ibubapa yang berpendidikan dengan ibubapa yang buta huruf, maka akan wujudlah ketidaksamarataan antara murid dalam sebuah darjah atau sekolah. Ketidaksamarataan ini pula akan membawa kepada ketidakadilan.

Untuk menampung kekurangan yang ada pada sesetengah pihak, maka persatuan ibubapa dan guru sebagai suatu badan hendaklah memainkan peranan yang penting dalam menghapuskan ketidaksamarataan yang wujud untuk membawa kepada keadilan.

Walaupun PIBG merupakan sebuah badan sukarela, namun tugas dan tanggungjawab untuk membantu sekolah membawa ke tahap kecemerlangan adalah terletak pada PIBG dan sekolah itu sendiri sebagai sebuah institusi pendidikan.

#### 5. Masyarakat

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat pada keseluruhannya boleh memainkan peranan yang penting dalam mencorak dan mewarnakan dasar pendidikan dan lain-lain dasar negara, serta membetulkan mana yang tidak betul melalui berbagai-bagai cara. Kepentingan awam selalunya dicorakkan melalui pendapat dalam akhbar dan media massa, kumpulan desak, parti politik, persatuan dan pertubuhan sukarela.


Masyarakat selalunya mengambil berat dalam hal pendidikan, dan ini boleh dilihat dari tulisan dalam akhbar, ulasan dalam radio dan televisyen, suara lantang dalam perhimpunan parti-parti politik, dan tidak kurang juga suara sumbang dari pihak-pihak tertentu. Masyarakat mengambil berat dalam hal pendidikan kerana mereka yang menjadi ahli masyarakat itu adalah terdiri dari ibubapa sendiri, dan mereka mempunyai kepentingan secara langsung kerana mereka ada anak-anak di sekolah.

Rajah 2.1 menggambarkan hubungan antara ibubapa, guru, PIBG, pemerintah dan masyarakat seluruhnya, dalam satu bentuk pokok yang mencorakkan seorang kanak-kanak.

Adalah diingatkan bahawa tiap-tiap satu kumpulan itu memainkan peranan masing-masing disamping memainkan peranan bersama. Ini bermakna bahawa kita hendaklah membezakan di antara tanggungjawab guru sebagai guru dan tanggungjawab guru sebagai ahli PIBG. Janganlah hendaknya wujud salah-sangka di kalangan pentadbir sekolah bahawa semua tugas di luar bilik darjah adalah tugas PIBG. Tiap-tiap pihak mempunyai tugas masing-masing, dan tugas PIBG ialah untuk memberi sepenuh kerjasama kepada kerajaan.

Rajah 2.1

POKOK PENDIDIKAN





### III

#### PERLEMBAGAAN PIBG DEWASA INI

Pada tahun 1973, kerajaan telah meluluskan satu dasar umum dimana semua sekolah hendaklah mempunyai sebuah persatuan yang dinamakan Persatuan Ibubapa-Guru. Berikutnya, suatu kaedah yang dinamakan Kaedah Persatuan Ibubapa-Guru 1973, telah diwartakan dalam Warta Kerajaan, dimana Jadual Kedua Kaedah itu telah memperuntukkan Model Perlembagaan PIBG, yang mana ianya harus diikuti oleh PIBG dengan pindaan yang sesuai.

Beberapa persoalan telah timbul akibat dari penubuhan PIBG di semua sekolah, sama ada ianya mengikat mana-mana ibu bapa yang menjadi ahli, jawatankuasanya, sekolah, dan persatuan itu sendiri.

Ada dua jawapan kepada persoalan ini: Ya dan tidak. Seseorang ibu atau bapa yang tidak mahu menjadi ahli tidak boleh dipaksa menjadi ahli. Kaedah D(1) hanya menganggap dan menyifatkan ibubapa itu sebagai ahli. Ia tidak diwajibkan menjadi ahli.

Walaupun bagaimanapun, apabila seorang ibu atau bapa telah menjadi ahli, dan dipilih sebagai ahli jawatankuasa, maka ia secara bersendirian dan secara bersama wajib mematuhi kehendak Perlembagaan PIBG. Sekiranya ia telah melanggar mana-mana peruntukan dalam perlembagaan, maka ia boleh diambil tindakan undang-undang dan didakwa di mahkamah. Umpamanya, mana-mana ahli jawatankuasa atau pemegang amanah yang menyeleweng dari segi

kewangan, maka ia boleh dituduh dibawah Kanun Kesiksaaan kerana pecah amanah jenayah, salahmilik jenayah, dan lain-lain kesalahan jenayah seperti rasuah dan sebagainya.

Perlembagaan PIBG adalah undang-undang, dan sebagai undang-undang, ianya perlu dipatuhi oleh semua ahli dan ahli jawatankuasa, secara individu dan kolektif. Mana-mana ahli yang tidak berpuashati dalam mana tindakan jawatankuasa boleh membawa perkara itu kepada Mesyuarat Agung Luarbiasa atau kepada Pendaftar, iaitu Pengarah Pendidikan Negeri.

Selain dari itu, tiap-tiap orang ahli jawatankuasa hendaklah mengetahui, memahami dan menghayati tugas dan tanggungjawab masing-masing, terutama sekali pemegang jawatan utama, seperti Yang diPertua, Naib Yang diPertua, Setiausaha dan Bendahari sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah D2(3) dan (4). Apa yang tersurat hanyalah beberapa peruntukan yang wajib. Ada banyak lagi yang tidak tersurat tetapi tersirat, yang perlu dilakukan oleh ahli jawatankuasa demi kepentingan anak-anak mereka.

Perlu juga disebutkan bahawa orang yang paling penting sekali dalam sesebuah PIBG ialah Guru Besar atau Pengetua. Guru Besar atau Pengetua adalah nadi kepada sekolah itu dan PIBGnya. Maju mundurnya sesebuah sekolah itu adalah terletak pada pemimpinnya. Guru Besar sebagai orang profesional yang berkhidmat sepenuh masa adalah bertanggungjawab sepenuhnya kepada sekolah, Kementerian dan negara. Begitu juga dengan para guru.

Mereka haruslah membantu Guru Besar dalam semua kegiatan sekolah demi kemajuan sekolah itu.

Ibubapa yang menjadi ahli PIBG dan Jawatankuasa PIBG hanyalah berkhidmat secara sukarela dan tidak sepenuh masa. Walaubagaimanapun, jika ahli itu telah sanggup menerima perlantikan dalam jawatankuasa PIBG maka mereka hendaklah memberi sepenuh khidmat dan bakti secara jujur dan ikhlas kepada PIBG.

Maju mundurnya anak-anak kita dalam pelajaran dan pendidikan mereka adalah terletak di atas bahu kita semua - Ibubapa, Guru, PIBG, Pemerintah dan Masyarakat Malaysia seluruhnya.

## IV

## PERANAN PERSATUAN IBUBAPA-GURU: SUATU PENDEKATAN BARU

Bulat kerana muafakat  
 Roboh kerana bergaduh  
 Berani kerana benar  
 Takut kerana salah

- Pepatah Melayu

Hingga kini belum ada kajian mendalam dibuat mengenai prestasi pelajar pada keseluruhannya sama ada PIBG yang aktif boleh membantu sesebuah sekolah dalam menyediakan bekalan pelajar yang ramai untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Sebaliknya, tidak juga ada kajian dibuat untuk menentukan sama ada sekolah yang mempunyai ramai murid yang gagal atau murid yang tidak cemerlang adalah disebabkan oleh PIBG yang tidak aktif.

Walaupun bagaimanapun, pemerhatian telah dibuat dan didapati bahawa sekolah-sekolah yang ternama yang mengeluarkan ramai pelajar yang bermutu dan cemerlang mempunyai PIBG yang aktif. Sehingga suatu kajian dibuat, kita tidak dapat membuat kesimpulan yang jitu mengenai korelasi antara prestasi pelajar dan peranan PIBG. Jika andaian dari pemerhatian ini diterima, maka apakah sepatutnya menjadi peranan utama sesebuah persatuan ibubapa-ibubapa dan guru?

Kertas ini cuba melihat dari perspektif yang lebih luas daripada peruntukan undang-undang 1973 mengenai penubuhan PIBG. Sekali gus, ini bermakna bahawa kaedah 6(2) dalam Kaedah

Persatuan PIBG 1973, haruslah dibincang semula, dikaji dan sekiranya perlu, kaedah itu haruslah dipinda.

Apakah sebenarnya peranan PIBG?

Untuk membolehkan PIBG memainkan peranan yang lebih aktif, kita haruslah mempunyai pendekatan yang menyeluruh terhadap PIBG sebagai sebuah persatuan yang paling bernilai dalam masyarakat Malaysia. Jika tidak, masyarakat dan ibubapa akan menganggap PIBG hanya sebagai sebuah pertubuhan sukarela yang sama tarafnya dengan kelab bolasepak atau persatuan belia.

Kertas ini mencadangkan pendekatan berikut:

#### 1. Falsafah PIBG

PIBG adalah merupakan suatu jambatan yang menghubungkan dan mendekatkan antara rumah dan sekolah dan antara ibubapa dengan guru untuk membolehkan ibubapa bekerjasama dengan guru secara baik dalam melatih dan mendidik anak-anak untuk menjadi manusia yang berguna.

Disamping itu, PIBG juga merupakan suatu jambatan yang boleh mendekatkan antara sekolah, guru dan ibubapa sebagai sebuah institusi di satu pihak, dengan kerajaan dan dunia luar serta masyarakat seluruhnya di satu pihak yang lain.

## 2. Konsep PIBG

Sebagai sebuah institusi, PIBG hendaklah memainkan peranan yang lebih aktif untuk menjadikan sekolah sebagai tempat yang paling disukai dan digemari oleh murid-murid dan institusi sekolah itu hendaklah dijadikan gedung ilmu dimana murid-murid, ibubapa dan guru sama-sama dapat menimba ilmu pengetahuan, pengalaman dan latihan kemahiran kerana di sekolahlah tempatnya seseorang murid menghabiskan satu pertiga daripada umur remaja mereka.

## 3. Dasar PIBG

PIBG adalah merupakan suatu badan yang boleh menggabungkan tenaga untuk mencapai pendemokrasian peluang pendidikan kepada semua murid, tanpa mengira kaum, agama, keturunan, taraf hidup, pekerjaan dan latar belakang seseorang ibubapa. PIBG tidak boleh dan tidak sepatutnya dijadikan forum untuk tujuan politik mana-mana pihak.

Mengadakan kerjasama yang erat antara semua pihak bagi melahirkan suatu tenaga yang bersatu padu dengan tujuan untuk memberi pendidikan yang paling tinggi untuk mencapai kecemerlangan pelajar dari segi mental, sosial dan jasmani.

#### 4. Tujuan PIBG

PIBG adalah ditubuhkan sebagai badan kebajikan bagi tujuan untuk mendapatkan kerjasama yang erat dari semua pihak bagi maksud memberi pendidikan yang paling bernilai dan bermakna kepada semua pelajar. Oleh itu pendekatan hendaklah dibuat keatas aspek sosial dan ekonomi serta kebajikan kanak-kanak, dengan mengadakan rancangan yang bersesuaian dengan kehendak ibubapa dan guru setempat.

PIBG juga hendaklah berusaha supaya taraf hidup ahli yang menjadi ibubapa dinaikkan dari satu tahap ke tahap yang lebih tinggi dengan memberi nasihat, tunjuk ajar dan galakan kepada ahli-ahli yang rendah taraf hidup mereka.

Panduan dan bimbingan ini bolehlah diberi oleh ahli-ahli yang lebih tinggi pengetahuan dan pengalaman mereka dari ahli-ahli yang lain. Umpamanya, seorang pensyarah di bidang pertanian bolehlah mengadakan bengkel menternak lebah kepada petani yang menjadi ahli yang ingin menternak lebah, atau seorang doktor boleh mengadakan bengkel sehari bagaimana hendak menjaga kesihatan anak-anak, dan begitulah seterusnya.

## 5. Matlamat PIBG

PIBG hendaklah mempunyai matlamat untuk melatih, mendidik dan mengajar murid-murid bagi mencapai pembangunan "ARFAH", iaitu:

A - 'Aqliah' dimana murid-murid dan pelajar diajar supaya akal dan fikiran mereka berkembang maju untuk mencapai pembangunan 'intellectual' dan 'mental'.

R - 'Rohaniah' dimana murid-murid hendaklah disiram dan dibaja dengan unsur-unsur rohaniah supaya mereka dapat menjadi ahli masyarakat yang bermoral tinggi, berbudaya, berperilaku kemanusiaan dan penyayang.

F - 'Fizikal' dimana murid-murid hendaklah diberi peluang membentuk fizikal mereka menjadi manusia yang sihat tubuh badan, dan mempunyai tabiat yang bersih.

A - 'Alam keliling' dimana murid-murid hendaklah diberi kesedaran dan penghayatan betapa perlunya alam keliling yang bersih kepada manusia, jiran tetangga yang berbudi dan bertanggungjawab serta



memberi galakan supaya mereka dapat sama-sama memainkan peranan positif dalam pembangunan alam keliling.

H - 'Hati nurani' dimana murid-murid hendaklah diasuh, dididik supaya menjadi manusia yang bukan sahaja pandai dan bijak, tetapi juga berbudi dan berperikemanusiaan.

## 6. Strategi

PIBG hendaklah menyusun strategi yang lengkap dan menyeluruh bagi mendapatkan sepenuh kerjasama di kalangan ibubapa dan guru supaya mereka dapat menjadi ahli yang komitted, bertanggungjawab, berdedikasi dan berdikari.

Mungkin salah satu dari strategi untuk mendekati ibubapa dengan sekolah ialah dengan membuka peluang kepada semua ahli dalam penggunaan kemudahan sekolah, seperti dewan sekolah untuk majlis perkahwinan, padang sekolah untuk bersukan, dimana sewa yang paling minima hendaklah dikenakan.

## 7. Logistik

Untuk menarik lebih ramai ibubapa dan murid bergiat secara lebih cergas dan berkesan ialah dengan menyediakan prasarana yang mencukupi. Tiap-tiap buah sekolah haruslah

mempunyai padang permainan yang boleh menampung kebanyakan sukan yang digemari ramai, perpustakaan yang lengkap, dewan, kantin, kedai buku, kedai koperasi, surau, bilik-bilik persatuan dan sebagainya. Kawasan juga hendaklah disediakan bagi murid-murid mencari pengalaman menanam sayur dan menternak ayam itik, kambing dan ikan. Oleh itu sekolah-sekolah yang akan dibina kelak haruslah mempunyai kawasan yang luas yang tidak kurang dari tiga hektar.

#### 8. Pelan

PIBG hendaklah menyusun pelan atau rancangan lima tahun bagi membolehkan program dan projek dijalankan secara tersusun dan teratur. Umpamanya, bila, bagaimana dan siapa patut bertanggungjawab mendirikan perpustakaan sekolah, atau surau sekolah dan berapa harga yang sepatutnya diperuntukkan. Rancangan lima tahun itu haruslah dipecahkan kepada program tahunan dan projek bulanan atau mingguan.

#### 9. Program

PIBG hendaklah menyusun program tahunan atau dwi-tahunan. Umpamanya mengadakan walkaton untuk mengutip derma sekolah, lawatan ke kilang-kilang sekurang-kurangnya sebulan sekali, mengadakan program ceramah, pertandingan kuiz, bahas, pidato, sukan, atau majlis makan malam tahunan, majlis bertindik, berkhatan, dialog dan sebagainya.

## 10. Projek

Tiap-tiap program itu hendaklah dipecahkan pula kepada projek mingguan atau harian, dimana sekurang-kurangnya penglibatan ahli dalam aktiviti sekolah boleh dilihat pada setiap hari, mengikut selera dan kemampuan masing-masing. Umpamanya, seseorang pemain bolasepak negeri yang menjadi ahli PIBG boleh dijemput untuk bercakap mengenai bolasepak, untuk menarik minat murid-murid dalam bidang sukan. Dihari yang lain pula, seorang akitek hendaklah dijemput untuk memberi ceramah mengenai bangunan lama yang sepatutnya sama-sama dijaga, dan begitulah hendaknya.

## 11. Kesimpulan

Adalah diharapkan bahawa PIBG dapat menilai kesemua sepuluh perkara yang disebutkan di atas supaya sama-sama kita dapat faedah dari wujudnya PIBG bagi sesebuah sekolah. Janganlah hendaknya sekolah tinggal sebagai sekolah yang dihuni hanya oleh guru dan murid, dan ibubapa menjauhkan diri dari sekolah itu kerana sibuk dengan urusan masing-masing.

## KESIMPULAN: MELIHAT KE DEPAN

## 1. Kongres Kebangsaan PIBG

Kertas ini berpendapat bahawa untuk mencapai dasar dan matlamat PIBG, maka suatu kongres kebangsaan hendaklah diadakan tiap-tiap dua tahun sekali. Seorang wakil dari tiap-tiap buah sekolah haruslah dijemput untuk menghadiri kongres itu. Mungkin beberapa kertas kerja haruslah disediakan untuk mencari beberapa rumusan yang boleh dibawa ke tengah. Kongres ini hendaklah dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama semua pihak, termasuklah firma-firma, pertubuhan sukarela, kesatuan guru, persatuan gurubesar, universiti, dan lain-lain.

## 2. Penerbitan Berkala PIBG

Memandangkan bahawa negara mempunyai empat juta keluarga (3.6 juta pada tahun 1980), maka adalah dianggarkan bahawa PIBG Kebangsaan akan mempunyai ahli seramai itu juga. Memandangkan juga bahawa terdapat sebanyak 7923 buah sekolah, dan sebanyak itu juga bilangan PIBG, maka cara yang paling berkesan untuk menyampaikan maklumat kepada semua ahli PIBG ialah dengan mengadakan penerbitan kebangsaan, atau buletin bulanan mengenai aktiviti PIBG. Jika dianggarkan 1% daripada jumlah bakal ahli PIBG berlanggan dengan penerbitan itu, maka sekurang-kurangnya 40,000 naskah dapat dijual. Harga sepatutnya tidak lebih dari \$1.00 senaskah.

### 3. Sebagai Kumpulan Desak

PIBG juga boleh memainkan peranan sebagai kumpulan desak untuk mendesak pihak-pihak tertentu seperti kerajaan, Parlimen dan sebagainya untuk meluluskan undang-undang yang wajar dan perlu mengenai perkara seperti penginayaan terhadap kanak-kanak, buruh kanak-kanak, kawalan terhadap tingkah laku dan tabiat kanak-kanak dan sebagainya.

PIBG juga boleh memainkan peranan sebagai kumpulan desak untuk meninggikan sekim gaji dan syarat perkhidmatan guru yang lebih baik.

### 4. Pendidikan Pencegahan

PIBG sebagai sebuah badan sukarela boleh memainkan peranan penting dalam pendidikan pencegahan supaya dengan itu kanak-kanak tidak terlibat dengan gejala yang kurang sihat seperti dadah, jenayah dan maksiat.

### 5. Masyarakat Berbudi

PIBG boleh memainkan peranan yang penting dengan mengembelingkan semua tenaga yang ada dalam satu-satu kawasan sekolah untuk memberi sumbangan yang wajar ke arah pencapaian matlamat masyarakat berbudi dan penyayang.

## 6. Percambahan Masyarakat Berbudaya

PIBG dapat memainkan peranan penting dalam mewujudkan masyarakat berbudaya seperti masyarakat yang mempunyai tabiat dan budaya membaca, budaya niaga, budaya urus, budaya gotong-royong, budaya kerja dan sebagainya.

Adalah diharapkan bahawa dengan adanya hubungan yang rapat dan kerjasama yang erat di antara kelima-lima pihak iaitu ibubapa, guru, PIBG, pemerintah dan masyarakat maka anak-anak kita di masa akan datang akan menjadi masyarakat berilmu, bertaqwa, beriman, dan dengan itu menjadi manusia yang diharapkan dapat mewarisi dunia ini.

3. Perencanaan Manajemen Keuangan Perusahaan

Keuangan merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam kehidupan perusahaan. Perencanaan keuangan yang baik akan membantu perusahaan dalam mencapai tujuannya. Perencanaan keuangan meliputi berbagai aspek, seperti perencanaan arus kas, perencanaan modal, dan perencanaan investasi. Perencanaan keuangan yang baik akan membantu perusahaan dalam mengelola risiko, meningkatkan efisiensi, dan meningkatkan keuntungan.

Salah satu aspek yang sangat penting dalam perencanaan keuangan adalah perencanaan arus kas. Arus kas adalah aliran uang masuk dan keluar perusahaan. Perencanaan arus kas yang baik akan membantu perusahaan dalam memastikan bahwa perusahaan memiliki cukup uang untuk membayar kewajiban-kewajibannya dan untuk melakukan investasi.

Perencanaan modal adalah perencanaan tentang bagaimana perusahaan akan membiayai operasinya. Perencanaan modal yang baik akan membantu perusahaan dalam memilih sumber pendanaan yang paling murah dan paling efektif.

Perencanaan investasi adalah perencanaan tentang bagaimana perusahaan akan mengalokasikan uangnya untuk investasi. Perencanaan investasi yang baik akan membantu perusahaan dalam memilih investasi yang paling menguntungkan dan paling berisiko rendah.

4. Perencanaan Operasional

Perencanaan operasional adalah perencanaan tentang bagaimana perusahaan akan menjalankan operasinya. Perencanaan operasional yang baik akan membantu perusahaan dalam memastikan bahwa perusahaan memiliki cukup sumber daya untuk menjalankan operasinya dan bahwa perusahaan dapat memenuhi permintaan pasar.

Perencanaan operasional meliputi berbagai aspek, seperti perencanaan produksi, perencanaan distribusi, dan perencanaan pemasaran. Perencanaan operasional yang baik akan membantu perusahaan dalam meningkatkan efisiensi, mengurangi biaya, dan meningkatkan kualitas produk.

5. Perencanaan Strategis


Perencanaan strategis adalah perencanaan tentang bagaimana perusahaan akan mencapai tujuannya dalam jangka panjang. Perencanaan strategis yang baik akan membantu perusahaan dalam memastikan bahwa perusahaan memiliki arah yang jelas dan bahwa perusahaan dapat menghadapi tantangan-tantangan yang akan dihadapi di masa depan.

Perencanaan strategis meliputi berbagai aspek, seperti perencanaan visi, perencanaan misi, dan perencanaan strategi. Perencanaan strategis yang baik akan membantu perusahaan dalam meningkatkan daya saing, meningkatkan keuntungan, dan meningkatkan nilai perusahaan.

CARTA 3  
Chart 3

MALAYSIA

KADAR ENROLMEN MENGIKUT PERINGKAT PENDIDIKAN 1981 - 1987  
*Enrolment Ratio by Level of Education 1981 - 1987*






CARTA 4  
Chart 4

MALAYSIA


ENROLMEN SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH BANTUN 1981 - 1987  
Enrolment in Government Assisted Primary and Secondary Schools 1981 - 1987



BILANGAN SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH BANTUAN KERAJAAN

1981 - 1987

*Number of Assisted Primary and Secondary Schools 1981 - 1987*



Jadual 2.1 / Table 2.1

BILANGAN SEKOLAH DAN KELAS DI SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH BANTUAN KERAJAAN DI  
MALAYSIA SEPERTI PADA 30 JUN 1987  
NUMBER OF SCHOOLS AND CLASSES IN GOVERNMENT ASSISTED PRIMARY  
AND SECONDARY SCHOOLS IN MALAYSIA AT 30TH JUNE 1987

Peringkat Pendidikan <i>Level of Education</i>	Bilangan Sekolah <i>Number of Schools</i>	Bilangan Kelas <i>Number of Classes</i>
<b>Sekolah Rendah/Primary Schools</b>		
Kebangsaan (M) <i>National (M)</i>	4856	48 719
Jenis Kebangsaan (C) <i>National Type (C)</i>	1295	15 967
Jenis Kebangsaan (T) <i>National Type (T)</i>	548	3800
Khas <i>Special</i>	4	39
<b>Jumlah/Total</b>	<b>6703</b>	<b>68 525</b>
<b>Sekolah Menengah/Secondary Schools</b>		
Biasa <i>Regular</i>	1111	35 871
Asrama Penuh <i>Fully Residential</i>	28	717
Agama <i>Religious</i>	25	409
Khas <i>Special</i>	2	27
Vokasional <i>Vocational</i>	45	640
Teknik <i>Technical</i>	9	180
<b>Jumlah/Total</b>	<b>1220</b>	<b>37 844</b>
<b>Jumlah Besar/Grand Total</b>	<b>7923</b>	<b>106 369</b>